



**BUKU PERATURAN AKADEMIK
PROGRAM ASAS, DIPLOMA DAN SARJANA MUDA**

Bahagian Hal Ehwal Akademik

Edisi Ketiga

Cetakan Pertama, Ogos 2012
© UNISEL

Pejabat Naib Canselor
Universiti Selangor

Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian buku ini, sama ada tulisan atau ilustrasinya dalam apa jua bentuk teknik secara elektronik, fotokopi, mekanik dan lain-lain sebeium mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Dicetak oleh:
Universiti Selangor

PRAKATA

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, Universiti Selangor telah berjaya menerbitkan Buku Peraturan Akademik untuk panduan umum. Buku ini merangkumi polisi, prosedur dan peraturan akademik untuk membantu para pelajar dan staf akademik dalam merangka sistem pengajaran dan pembelajaran masing-masing. Diharap, segala maklumat yang terdapat di dalam buku ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin bagi merangka dan memperbaiki sistem akademik dan struktur-struktur yang berkaitan khususnya di universiti ini. Semoga dengan usaha yang gigih dan pembelajaran yang berkesan, serta sikap yang positif, pelajar-pelajar UNISEL akan dapat mencapai cita-cita murni mereka sebagai graduan cemerlang seterusnya menjadi ahli teknokrat yang cekap, berwawasan serta bertanggungjawab terhadap masyarakat dan PenciptaNya.

Sekian.

Naib Canselor
Universiti Selangor

BAHAGIAN	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Prakata	3
	Isi Kandungan	4 - 5
1.0	TAKRIF	6 - 7
2.0	KALENDAR AKADEMIK	8
	2.1 Kalendar Akademik	
3.0	KEMASUKAN	8
	3.1 Syarat Umum Kemasukan	
	3.2 Syarat dan Terma Kemasukan	
4.0	TEMPOH PENGAJIAN	8
	4.1 Tempoh Pengajian	
5.0	PENDAFTARAN	8 - 10
	5.1 Daftar Sebagai Pelajar Universiti (Pelajar Baru)	
	5.2 Daftar Semester (Pelajar Semasa)	
	5.3 Pendaftaran Kursus	
	5.4 Pendaftaran Kursus (Pelajar Baru)	
	5.5 Pra-Pendaftaran Kursus (Pelajar Semasa)	
	5.6 Pendaftaran Bagi Memperbaiki Gred Kursus	
	5.7 Pendaftaran Kursus Luar Program	
	5.8 Tambah Kursus	
	5.9 Gugur Kursus	
6.0	PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN	10
	6.1 Pertukaran Program Pengajian	
7.0	SISTEM KREDIT	10 - 11
	7.1 Jumlah Kredit Yang Dibenarkan	
	7.2 Kredit Kecuali (KK) dan Kredit Pindah (KP)	
8.0	SISTEM GRED	12
	8.1 Sistem Gred	
	8.2 Gred Lulus Kursus	
9.0	PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN	12 - 15
	9.1 Kaedah Penilaian	
	9.2 Jadual Peperiksaan	
	9.3 Semakan Jadual Peperiksaan	
	9.4 Slip Kebenaran Peperiksaan	
	9.5 Syarat Menduduki Peperiksaan	
	9.6 Peperiksaan Khas	
	9.7 Peperiksaan Semula	
	9.8 Keputusan Peperiksaan	
	9.9 Kedudukan Akademik	
	9.10 Rayuan Semakan Keputusan Gred Kursus	
	9.11 Rayuan Meneruskan Pengajian	

10.0	PENYELEWENGAN AKADEMIK	15 - 16
	10.1 Penyelewengan Akademik	
	10.2 Tindakan Penyelewengan Akademik	
11.0	STATUS PENGAJIAN	16 - 17
	11.1 Tangguh Pengajian	
	11.2 Berhenti Pengajian	
	11.3 Diberhentikan	
	11.4 Disingkirkan	
	11.5 Digantung Pengajian	
	11.6 Tidak Aktif	
	11.7 Lengkap	
	11.8 Bergraduati	
	11.9 Tidak Hadir	
12.0	BERGRADUAT	17 - 18
	12.1 Syarat-syarat Bergraduati	
	12.2 Kelas Ijazah	
13.0	PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM	18
	13.1 Peruntukan Am	
	SENARAI JADUAL	18

SEKSYEN **TAJUK**
BAHAGIAN 1.0 : TAKRIF
1.0 Takrif

Dalam Peraturan ini, melainkan konteksnya menghendaki maksud yang lain;

“**Aktif Diri**” adalah pendaftaran untuk mengaktifkan status pelajar yang berhasrat untuk menambah tempoh Tangguh Pengajian pada semester berikutnya.

“**Badan Penilai**” adalah Badan Professional /Institusi/Organisasi yang menilai dan memantau kualiti program akademik.

“**Bergraduat**” adalah status pelajar yang telah pun diperakui oleh Senat untuk bergraduat.

“**Berhenti**” adalah status pelajar yang diluluskan oleh Universiti untuk berhenti pengajian.

“**Daftar Semester**” adalah daftar diri pelajar pada setiap semester.

“**Dekan**” adalah ketua Fakulti yang dilantik oleh Naib Canselor.

“**Diberhentikan**” adalah status pelajar yang diberhentikan kerana: tidak mencapai tahap lulus dalam pengajian; atau telah melebihi tempoh maksimum pengajian; atau gagal mendaftar di bawah kaedah pendaftaran semester atau program; atau tidak memenuhi syarat kelayakan masuk.

“**Digantung pengajian**” adalah status pelajar yang digantung pengajian dalam tempoh tertentu di bawah Kaedah Tatatertib Pelajar.

“**Disingkirkan**” adalah status pelajar yang dibuang daripada Universiti di bawah Kaedah Tatatertib Pelajar.

“**Fakulti**” adalah mana-mana Fakulti Universiti dan termasuk juga Pusat Pengajian, Sekolah, Akademi dan Institut.

“**Gred X**” adalah gred sementara bagi kes di bawah Kaedah Tatatertib Pelajar.

“**Gred**” adalah suatu nilai dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

“**Hasil Akademik**” adalah apa-apa bahan yang diiktiraf untuk penilaian akademik.

“**HPNG**” adalah Himpunan Purata Nilai Gred yang diperoleh bagi semua semester yang telah diikuti.

“**Intersesi**” adalah sesi pembelajaran pendek yang dijalankan antara dua semester.

“**Jam Kontak**” adalah jumlah jam rasmi berinteraksi dalam jam pengajaran berjadual.

“**Kredit Dapat**” adalah jumlah kredit yang diperoleh bagi kursus yang lulus.

“**Kredit Diambil**” adalah jumlah kredit yang diambil sepanjang pengajian.

“**Kredit Kecuali**” adalah jumlah jam kredit bagi sesuatu kursus yang dikecualikan daripada diambil oleh seseorang pelajar.

“**Kredit Kira**” adalah jumlah kredit yang diambil kira dalam pengiraan PNG dan HPNG untuk tujuan pengijazahan.

“**Kredit Pindah**” adalah jumlah nilai gred bagi sesuatu kursus berkeadaan lulus yang akan diambil kira di dalam pengiraan PNG semasa.

“**Kredit**” adalah ukuran kuantitatif yang menggambarkan beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran.

“**Kurikulum**” adalah gabungan aktiviti pendidikan yang dilakukan dalam proses pembelajaran yang dirancang khusus dari segi matlamat, objektif dan hasil pembelajaran.

“**Kursus**” adalah komponen kurikulum program yang mempunyai kod tersendiri.

“Latihan Industri”, “Latihan Klinik”, “Praktikum” adalah latihan amali yang dijalankan di industri atau organisasi bagi memenuhi keperluan program.

“Lembaga Akademik Fakulti” adalah sebuah lembaga yang ditubuhkan oleh Fakulti bagi semua urusan berkaitan hal ehwal akademik di Fakulti.

“Lengkap” adalah status pelajar yang memenuhi jumlah jam kredit bergraduat dan menunggu pengesahan Senat.

“Maklumat Kursus” adalah maklumat lengkap sesuatu kursus yang disusun atur untuk mencapai hasil pembelajaran kursus dan program sesuai dengan tahap pengajian.

“Nilai Gred” adalah suatu nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus.

“Pelajar Antarabangsa” adalah pelajar bukan warganegara Malaysia yang menuntut di Universiti ini.

“Pelajar Baru” adalah pelajar yang baru mendaftar bagi satu program akademik di Universiti, sama ada secara sepenuh masa, separuh masa atau Pendidikan Jarak Jauh (PJJ).

“Pelajar Semasa” adalah pelajar yang telah mendaftar sekurang-kurangnya satu semester pengajian di Universiti dan layak mendaftar semula.

“Pelajar” adalah individu yang mendaftar dan menuntut di Universiti sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.

“Pengajian Separuh Masa” adalah mod pengajian akademik Universiti dengan bilangan kredit kursus yang didaftar oleh pelajar bagi satu semester kurang daripada kredit minimum yang ditetapkan.

“Pengajian Sepenuh Masa” adalah mod pengajian akademik Universiti dengan bilangan kredit kursus yang didaftar oleh pelajar bagi satu semester tidak kurang daripada kredit minimum yang ditetapkan, kecuali bagi pelajar yang Kedudukan Bersyarat atau pelajar yang berada dalam semester akhir pengajian.

“PNG” adalah Purata Nilai Gred yang diperoleh dalam sesuatu semester.

“PPT” adalah Penyedia Pengajian Tinggi Awam atau Swasta dalam atau luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

“Prasyarat” adalah keperluan lulus kursus tertentu bagi sesuatu program pengajian sebelum dibenarkan mengambil kursus lain yang ditetapkan Fakulti.

“Program” adalah jenis pengajian yang dikendalikan oleh Universiti di peringkat Asas, Sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran.

“Semester” adalah tempoh pembelajaran yang ditetapkan dalam Kalendar Akademik Universiti berdasarkan garis panduan Kementerian Pengajian Tinggi.

“Senat” adalah Senat Universiti Selangor.

“Sesi” adalah penggal pengajian mengikut kalendar akademik.

“Syarat Khusus” adalah syarat kelayakan masuk tambahan untuk sesuatu program akademik.

“Syarat Umum” adalah syarat kelayakan masuk yang diluluskan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

“Tangguh Pengajian” adalah status pelajar yang dibenarkan menangguh pengajian di bawah kaedah penangguhan.

“Tidak aktif” adalah status pelajar yang tidak mendaftar semester kerana: kursus tidak ditawarkan pada intersesi; atau pelajar yang menduduki Latihan Industri/Latihan Klinikal/Praktikum melebihi satu semester.

“Tidak hadir” adalah status pelajar yang tidak mendaftar semester semasa dalam tempoh yang ditetapkan.

“Universiti” adalah Universiti Selangor

BAHAGIAN 2.0 : KALENDAR AKADEMIK

2.1 Kalendar Akademik

Kalendar Akademik Universiti adalah seperti yang diluluskan oleh Senat

Sesi Pembelajaran Universiti terdiri daripada semester dan Intersesi (tertakluk kepada Struktur Program tertentu).

Jadual 2.1 : Struktur Sesi Pembelajaran

SEMESTER	
Minggu Perkuliahan	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Minggu Perkuliahan	7 minggu
Peperiksaan Akhir Semester	2 minggu
Cuti Akhir Semester	3 minggu
Jumlah	20 minggu
INTERSESI	
Minggu Perkuliahan	7 minggu
Peperiksaan Akhir Semester	1 minggu
Cuti Akhir Semester	4 minggu
Jumlah	12 minggu

BAHAGIAN 3.0 : KEMASUKAN

3.1 Syarat Umum Kemasukan

3.1.1 Tawaran kemasukan adalah tertakluk kepada syarat kelayakan masuk yang diluluskan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).

3.2 Syarat dan Terma Kemasukan

3.2.1 Pengesahan sijil-sijil akademik asal.

3.2.2 Menepati syarat umum dan khusus kemasukan.

3.2.3 Tidak terlibat dengan masalah penipuan, disiplin atau disabitkan kesalahan jenayah.

BAHAGIAN 4.0 : TEMPOH PENGAJIAN

4.1 Tempoh Pengajian

Jadual 4.1 : Tempoh Pengajian*

Asas/Diploma/ Sarjana Muda	Kredit Minimum	Tempoh Minimum (Tahun)		Tempoh Maksimum (Tahun)	
		Sepenuh Masa	Separuh Masa	Sepenuh Masa	Separuh Masa
Asas	50	1	-	2	-
Diploma	90	2	4	5	10
Sarjana Muda	120	3	6	6	12

Nota : * Tertakluk kepada program pengajian dan syarat bergraduasi.

BAHAGIAN 5.0 : PENDAFTARAN

5.1 Daftar Sebagai Pelajar Universiti (Pelajar Baru)

5.1.1 Semua calon pelajar yang mendapat tawaran untuk melanjutkan pengajian hendaklah mendaftar sebagai pelajar Universiti dalam tempoh yang ditetapkan.

5.2 Daftar Semester (Pelajar Semasa)

- 5.2.1 Pelajar Semasa DIWAJIBKAN mendaftar pada permulaan setiap semester dalam tempoh yang ditetapkan Universiti.
- 5.2.2 Pendaftaran Semester bagi Pelajar Semasa dijalankan Secara Atas Talian melalui laman sesawang rasmi Universiti.
- 5.2.3 Pelajar Semasa yang mendaftar selepas tempoh Pendaftaran Semester yang ditetapkan akan **dikenakan denda** mengikut Jadual 5.2 di bawah.

Jadual 5.2 : Denda Selepas Tempoh Pendaftaran Semester

MINGGU KULIAH	DENDA
1 - 3	RM20 dan tambahan RM5 bagi setiap satu (1) hari lewat tertakluk kepada jumlah maksimum keseluruhan RM200
4	Tangguh pengajian atau DIBERHENTIKAN

5.3 Pendaftaran Kursus

- 5.3.1 Semua pelajar diwajibkan mendaftar setiap kursus yang ditetapkan dalam program yang diikuti dan ditawarkan pada setiap semester.

5.4 Pendaftaran Kursus (Pelajar Baru)

- 5.4.1 Mana-mana pelajar yang telah mendaftar semester sebagai pelajar baru akan didaftar dengan kursus-kursus semester satu secara automatik mengikut program masing-masing.
- 5.4.2 Permohonan Kredit Kecuali atau Kredit Pindah WAJIB dibuat pada tahun pertama pengajian SAHAJA (Sila rujuk Bahagian 7 : Sistem Kredit).

5.5 Pra-Pendaftaran Kursus (Pelajar Semasa)

- 5.5.1 Pelajar wajib membuat Pra-Pendaftaran Kursus dalam tempoh yang ditetapkan Universiti melalui portal pelajar.
- 5.5.2 Pelajar yang gagal membuat Pra-Pendaftaran Kursus **akan dikenakan denda** RM5 setiap hari dengan denda maksimum RM200 bagi setiap kursus.
- 5.5.3 Pelajar diwajibkan membuat pengesahan Pra-Pendaftaran Kursus dalam tempoh yang ditetapkan dan mengambil maklum tentang denda di atas.

5.6 Pendaftaran Bagi Memperbaiki Gred Kursus

- 5.6.1 Pelajar dibenarkan memperbaiki gred kursus bagi mana-mana kursus dengan mendaftar semula kursus berkenaan dalam tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada keputusan fakulti.
- 5.6.2 Keputusan terbaik bagi kursus yang diulang akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan HPNG.

5.7 Pendaftaran Kursus Luar Program

- 5.7.1 Pelajar dibenarkan mendaftar kursus yang tidak disenaraikan dalam Struktur Program tertakluk kepada kelulusan fakulti.
- 5.7.2 Gred bagi kursus tersebut akan diambil kira dalam pengiraan PNG dan HPNG.

5.8 Tambah Kursus

- 5.8.1 Pelajar dibenarkan Tambah Kursus dalam minggu kedua (semester) dan minggu pertama (Intersesi).
- 5.8.2 Pelajar dibenarkan Tambah Kursus dengan berdenda tertakluk kepada kelulusan fakulti.
- 5.8.3 Tambah Kursus berdenda: RM20 dan tambahan RM5 setiap hari bagi setiap kursus.

5.9 Gugur Kursus

- 5.9.1 Pelajar boleh Gugur Kursus seperti dalam Jadual 5.9(i) dan 5.9(ii) di bawah.
- 5.9.2 Pelajar diwajibkan membuat pengesahan pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan dan mengambil maklum tentang denda di bawah:

Jadual 5.9(i) : Denda Gugur Kursus (Semester)

MINGGU KULIAH	DENDA
1 – 2	Tiada
3 - 9	RM400 (Gugur kursus selepas minggu kesembilan tidak dibenarkan)

Jadual 5.9(ii) : Denda Gugur Kursus (Intersesi)

MINGGU KULIAH	DENDA
1	Tiada
2 - 4	RM400 (Gugur kursus selepas minggu keempat tidak dibenarkan)

BAHAGIAN 6.0 : PERTUKARAN PROGRAM PENGAJIAN

6.1 Pertukaran Program Pengajian

- 6.1.1 Pertukaran program pengajian hendaklah dibuat dalam minggu pertama semester bermula.
- 6.1.2 Taraf kedudukan akademik pelajar bagi program terdahulu adalah Kedudukan Baik (KB) dan berstatus aktif.
- 6.1.3 Bayaran pertukaran program adalah RM100 bagi pelajar tempatan dan RM1000 bagi pelajar antarabangsa.
- 6.1.4 Pelajar hendaklah memenuhi syarat kemasukan program yang dipohon.
- 6.1.5 Pelajar yang telah diluluskan bertukar program pengajian dikehendaki mendaftar seperti pelajar baru.
- 6.1.6 Bagi Pelajar Antarabangsa pertukaran program tertakluk kepada syarat dan kelulusan Pihak Berkuasa Kerajaan Malaysia.

BAHAGIAN 7.0 : SISTEM KREDIT

7.1 Jumlah Kredit Yang Dibenarkan

- 7.1.1 Pelajar hanya boleh mendaftar jumlah kredit di satu-satu semester mengikut Jadual 7.1.
- 7.1.2 Pendaftaran jumlah kredit yang kurang daripada had minimum atau melebihi had maksimum adalah tertakluk kepada kebenaran Dekan.

Jadual 7.1 : Jumlah Kredit Dibenarkan

Tahun Akademik	Semester		Intersesi	
	Kredit Minimum Dibenarkan	Kredit Maksimum Dibenarkan	Kredit Minimum Dibenarkan	Kredit Maksimum Dibenarkan
Mod Pengajian Pelajar				
Sepenuh Masa	12	18	2	9
Separuh Masa	3	9	Tiada	3

7.2 Kredit Kecuali (KK) dan Kredit Pindah (KP)

7.2.1 Kredit Kecuali

Pelajar boleh memohon Kredit Kecuali untuk sesuatu kursus dengan syarat:-

- (i) Pelajar yang memohon telah lulus kursus terdahulu;
- (ii) Jam Kredit yang diperolehi akan diambil kira dalam Kredit Dapat;
- (iii) Permohonan ini adalah daripada peringkat pengajian rendah ke peringkat pengajian tinggi (Contoh: Peringkat Diploma ke peringkat Ijazah Sarjana Muda).

7.2.2 Kredit Pindah

Pelajar boleh memohon Kredit Pindah untuk sesuatu kursus dengan syarat:-

- (i) Kursus terdahulu diambil di Universiti ini atau kursus yang setara di IPT lain mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti;
- (ii) Jam kredit, gred dan nilai gred kursus yang diperolehi akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan HPNG;
- (iii) Pelajar yang memohon masih dalam keadaan lulus dalam kursus yang diikuti (berstatus Kedudukan Baik (KB) atau Kedudukan Bersyarat (KS));
- (iv) Permohonan ini adalah untuk peringkat pengajian yang sama (Contoh: Peringkat Diploma ke peringkat Diploma).

7.2.3 Perbezaan Kredit Kecuali dan Kredit Pindah

PERKARA	KREDIT KECUALI (KK)	KREDIT PINDAH (KP)
Jam kredit, gred dan nilai gred	Hanya jam kredit yang diluluskan oleh fakulti diambilkira di dalam Kredit Dapat	Jam kredit, gred dan nilai gred program yang diperolehi akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan HPNG
Peringkat pengajian	Permohonan adalah untuk peringkat pengajian rendah ke peringkat pengajian tinggi kecuali Program Asas.	Permohonan adalah untuk peringkat pengajian yang sama; Contohnya: Peringkat Diploma ke Peringkat Diploma atau Peringkat Ijazah ke Peringkat Ijazah

7.2.4 Syarat-syarat Khas Kredit Kecuali dan Kredit Pindah

- (i) Lulus kursus dengan gred minimum C+ kecuali Kursus Wajib MQA, gred minimum adalah C atau bersamaan 50%;
- (ii) Program diiktiraf oleh Kerajaan;
- (iii) Taraf kedudukan akademik pelajar bagi program terdahulu adalah Kedudukan Baik;

- (iv) Kursus yang dimohon mesti mempunyai kesetaraan Maklumat Kursus tidak kurang daripada 75%;
- (v) Jumlah maksimum KK atau KP tidak melebihi 30% daripada jumlah jam kredit bergraduasi dan tertakluk kepada standard program Badan Profesional;
- (vi) Kelayakan akademik yang boleh dipertimbangkan untuk permohonan KK/KP mestilah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh tamat pengajian;
- (vii) Semua kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat lain Fakulti dan pengesahan Universiti;
- (viii) Permohonan hanya dibenarkan kepada pelajar tahun pertama pengajian sahaja;
- (ix) Pengalaman bekerja pemohon dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya lima (5) tahun boleh diambil kira untuk KK/KP dan diperakui oleh Senat.

BAHAGIAN 8.0 : SISTEM GRED

8.1 Sistem Gred

8.1.1 Gred dan Nilai Gred adalah seperti **Jadual 8.1**:

Jadual 8.1 : Skim Pemarkahan/Gred dan Nilai Gred

Markah	Gred	Nilai Gred	Status
90 – 100	A+	4.00	Amat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.75	Cemerlang
70 – 74	B+	3.50	Sangat Baik
65 – 69	B	3.00	Baik
60 – 64	B-	2.75	Baik
55 – 59	C+	2.50	Memuaskan
50 – 54	C	2.00	Memuaskan
47 - 49	C-	1.75	Lemah
44 - 46	D+	1.50	Lemah
40 - 43	D	1.00	Lemah
30 – 39	E	0.75	Gagal
0 – 29	F	0.00	Gagal
Hadir Lulus/Gagal	AP/AF	Tiada	Lulus/Gagal

8.2 Gred Lulus Kursus

8.2.1 Gred Lulus Kursus adalah seperti **Jadual 8.2**:

Jadual 8.2 : Gred Lulus Kursus

Jenis Kursus	Gred	Nilai Gred
Wajib MQA	C	2.00
Wajib Universiti	D	1.00
Teras	C	2.00
Bukan Teras	D	1.00

BAHAGIAN 9.0 : PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN**9.1 Kaedah Penilaian**

Pelajar akan dinilai berdasarkan kerja kursus dan peperiksaan akhir.

- 9.1.1 Kerja Kursus
Setiap pelajar akan dinilai kerja kursusnya secara berterusan dalam tempoh minggu perkuliahan sesuatu semester mengikut kaedah yang ditentukan Fakulti.
- 9.1.2 Peperiksaan Akhir
Semua pelajar wajib menduduki peperiksaan bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir sepertimana yang ditetapkan.

9.2 Jadual Peperiksaan

- 9.2.1 Jadual waktu peperiksaan akhir semester dikeluarkan oleh Universiti dan sebarang pindaan tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- 9.2.2 Sekiranya berlaku pertindihan kursus dalam Jadual Peperiksaan Muktamad, pelajar wajib memaklumkan kepada Unit Peperiksaan seminggu sebelum peperiksaan bermula.

9.3 Semakan Jadual Peperiksaan

- 9.3.1 Pelajar WAJIB menyemak jadual waktu peperiksaan akhir semester sebelum menduduki peperiksaan. Tiada peperiksaan gantian akan dibuat bagi sebarang kecauaian pelajar.

9.4 Slip Kebenaran Peperiksaan

- 9.4.1 Slip Kebenaran Peperiksaan WAJIB dicetak menerusi portal pelajar dalam tempoh yang ditetapkan. Pelajar dibenarkan menduduki peperiksaan bagi kursus yang tersenarai dalam Slip Kebenaran Peperiksaan.

9.5 Syarat Menduduki Peperiksaan

- 9.5.1 Pelajar wajib memenuhi 80% kehadiran jam kontak yang ditentukan bagi sesuatu kursus.
- 9.5.2 Sekiranya pelajar tidak mematuhi subseksyen 9.4.1 di atas bagi mana-mana kursus dan telah disahkan, pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan dan akan diberi Status Gagal (F).
- 9.5.3 Pelajar WAJIB menjelaskan yuran pengajian sebelum menduduki peperiksaan.
- 9.5.4 Pelajar wajib mematuhi semua peraturan peperiksaan seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti.

9.6 Peperiksaan Khas

- 9.6.1 Peperiksaan khas boleh diadakan dengan kelulusan Universiti untuk pelajar-pelajar berikut :
 - (i) Pelajar semester akhir yang berada dalam Kedudukan Baik (KB), tetapi gagal dalam satu (1) kursus pada semester akhirnya atau mana-mana semester dengan syarat kursus berkenaan telah diambil setiap kali ia ditawarkan; atau
 - (ii) Pelajar yang gagal menduduki peperiksaan akhir dengan sebab-sebab yang telah diluluskan oleh Lembaga Akademik Fakulti.
- 9.6.2 Markah peperiksaan khas akan diambilkira seperti berikut:-
 - (i) Bagi subseksyen 9.6.1(i), markah peperiksaan khas sahaja akan diambilkira dalam pengiraan PNG dan HPNG dengan gred maksimum C.
 - (ii) Bagi subseksyen 9.6.1(ii), markah peperiksaan khas akan menentukan markah peperiksaan akhir dan markah kerja kursus adalah kekal.

9.6.3 Pelajar perlu membayar wang proses sebanyak RM50 untuk menduduki peperiksaan khas tersebut.

9.6.4 Universiti berhak mengadakan peperiksaan khas dalam tempoh 2 minggu pertama semester berikutnya.

9.7 Peperiksaan Semula

9.7.1 Universiti berhak mengadakan peperiksaan semula pada bila-bila masa sekiranya perlu dalam keadaan berikut:-

- (i) Berlaku kebocoran soalan peperiksaan akhir;
- (ii) Calon tidak dapat menduduki peperiksaan akhir kerana bencana alam;
- (iii) Arahan Naib Canselor

9.8 Keputusan Peperiksaan

Universiti akan mempamerkan gred kursus dalam tempoh yang ditetapkan.

9.9 Kedudukan Akademik

9.9.1 Prestasi akademik pelajar ditunjukkan oleh Purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG).

(i) Purata Nilai Gred (PNG)

PNG adalah purata nilai gred yang diperoleh oleh seseorang pelajar pada penghujung setiap semester. Formula mengira PNG pelajar bagi sesuatu semester adalah seperti berikut:

$$PNG = \frac{\sum_{j=1}^n (\text{kredit} \times \text{Mata nilaian})_j}{\sum_{j=1}^n (\text{kredit})_j}$$

n = jumlah kursus yang telah diambil dalam semester berkenaan

Contoh I : Pengiraan PNG Semester 1

Kursus	Gred	Mata Nilaian	Kredit	Mata Sebenar
ZIS 1133	B	3.0	3	9.0
KAS 1103	B+	3.5	3	10.5
KAS 1123	C+	2.5	3	7.5
ZES 1133	B	3.0	3	9.0
KAS 1101	A	4.0	1	4.0
KAS 1102	B+	3.5	2	7.0
		JUMLAH	15	47.0

PNG = 47.0/15 = 3.13

(ii) Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)

HPNG adalah merupakan mata peratus yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam semua peperiksaan yang telah diambilnya. Formula mengira HPNG adalah :

$$HPNG = \frac{\sum_{i=1}^m \left(\sum_{j=1}^n (\text{kredit} \times \text{Mata nilai})_j \right)_i}{\sum_{i=1}^m \left(\sum_{j=1}^n (\text{kredit})_j \right)_i}$$

m = jumlah semester yang diikuti.

n = jumlah kursus yang diikuti pada setiap semester.

Contoh 2 : Pengiraan HPNG Semester 1

Kursus	Gred	Mata Nilai	Kredit	Mata Sebenar
KAS 1343	B+	3.5	3	10.5
KMS 1323	B	3.0	3	9
KMS 1342	A	4.0	2	8
KAS 1363	D	1.0	3	3
ZES 1343	C+	2.5	3	7.5
KAS 1302	B	3.0	2	6
		JUMLAH	16	44

$$HPNG = \frac{44}{16} = 2.75$$

Semester 1

Himpunan Mata (HM) = 47.0
 Himpunan Kredit (HK) = 15 (lihat contoh 1)

Semester 2

Himpunan Mata (HM) = 44
 Himpunan Kredit (HK) = 16 (lihat contoh 2)

$$HPNG = \frac{(47 + 44)}{(15 + 16)} = 2.93$$

9.9.2 Kedudukan akademik pelajar ditentukan di akhir tiap-tiap semester dengan menggunakan kedudukan HPNG seperti di **Jadual 9.1**.

Jadual 9.1 : Kedudukan Akademik

KEDUDUKAN	HPNG	KETERANGAN
Cemerlang (KC)	3.60 dan ke atas (HPNG \geq 3.60)	Boleh meneruskan pengajian.
Baik (KB)	Dari 2.00 sehingga 3.59 (2.0 \leq HPNG \leq 3.59)	Boleh meneruskan pengajian.
Bersyarat (KS)	Dari 1.70 sehingga 1.99 (1.70 \leq HPNG \leq 1.99)	Boleh meneruskan pengajian dengan hanya mengambil 12 jam kredit maksimum bagi semester panjang dan 6 jam kredit bagi Intersesi. Bagi pelajar yang mendapat KS tiga (3) semester berturut-turut tidak termasuk Intersesi akan diberi Kedudukan Gagal (KG).
Gagal (KG)	Kurang dari 1.70 (HPNG $<$ 1.70).	Diberhentikan

- 9.10 Rayuan Semakan Keputusan Gred Kursus
- 9.10.1 Pelajar hanya dibenarkan memohon semakan semula skrip jawapan peperiksaan akhir bagi setiap kursus dan perlu dilakukan dalam minggu pertama semester.
 - 9.10.2 Perubahan gred kursus adalah muktamad tertakluk kepada keputusan Senat.
 - 9.10.3 Bayaran sebanyak RM100 akan dikenakan bagi setiap satu kursus yang dimohon untuk semakan semula.
- 9.11 Rayuan Meneruskan Pengajian
- 9.11.1 Pelajar KG boleh membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Akademik Universiti melalui Fakulti dalam tempoh tiga (3) hari minggu pertama semester.
 - 9.11.2 Lembaga Akademik Fakulti mempunyai bidang kuasa memberi pertimbangan (dan kelulusan) kepada pelajar tahun pertama (1) semester satu (1) yang KG yang mendapat HPNG 1.50 - 1.69 untuk meneruskan pengajian.
 - 9.11.3 Pelajar Semasa yang diberhentikan boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Akademik Universiti melalui Dekan Fakulti tertakluk kepada tempoh yang ditetapkan.
 - 9.11.4 Pelajar yang lulus dalam rayuan akan dikenakan syarat-syarat berikut :
 - (i) Tempoh Daftar Semester (semula) adalah selewat-lewatnya pada minggu kedua (2) semester semasa;
 - (ii) Pelajar akan diberhentikan jika gagal mendaftar Semester dalam tempoh yang ditetapkan;
 - (iii) Pelajar dikehendaki mengulang kursus yang gagal.
 - 9.11.5 Pelajar yang gagal dalam rayuan akan diberhentikan.

BAHAGIAN 10.0 : PENYELEWENGAN AKADEMIK

- 10.1 Penyelewengan Akademik
- 10.1.1 Pelajar yang melakukan salah laku akademik boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (AKTA 555) & Peraturan-Peraturan dan Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Universiti Selangor (Cetakan Ke-3 : Januari 2012).
 - 10.1.2 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana penyelewengan akademik berikut:-
 - (i) Menciplak/Plagiat;
 - (ii) Menipu atau cubaan menipu dalam kerja kursus/peperiksaan/hasil akademik.
- 10.2 Tindakan Penyelewengan Akademik
- 10.2.1 Tindakan berikut akan diambil sekiranya penyelewengan akademik dilakukan:
 - (i) Gred X akan diberikan kepada SEMUA KURSUS yang diambil oleh pelajar tersebut pada semester berkenaan;
 - (ii) Pelajar tersebut akan dikenakan tindakan tatatertib;
 - (iii) Pelajar yang didapati bersalah akan dihukum berdasarkan peraturan Universiti.

BAHAGIAN 11.0 : STATUS PENGAJIAN**11.1 Tangguh Pengajian**

- 11.1.1 Pelajar dibenarkan untuk memohon menangguh pengajian.
- 11.1.2 Pelajar boleh diberi status penangguhan pengajian atas sebab-sebab tertentu dengan kelulusan Universiti.
- 11.1.3 Pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian tetapi belum bergraduasi perlulah mengikuti kurikulum program terkini sebelum tamat pengajian.
- 11.1.4 Tempoh akhir permohonan penangguhan adalah pada minggu kesembilan bagi semester panjang dan minggu kelima bagi Intersesi dan menjelaskan yuran penangguhan sebanyak RM50.
- 11.1.5 Pelajar perlu Aktif Diri pada semester berikutnya untuk mengekalkan status aktif dengan menjelaskan yuran daftar diri sebanyak RM20.
- 11.1.6 Pelajar Antarabangsa yang ingin menangguhkan pengajian perlu mematuhi peraturan semasa Universiti dan merujuk Pusat Pelajar Antarabangsa Universiti.

11.2 Berhenti Pengajian

- 11.2.1 Pelajar yang berhasrat untuk berhenti pengajian perlu mengemukakan permohonan kepada Fakulti.
Pelajar Antarabangsa yang berhasrat untuk berhenti pengajian perlu mematuhi peraturan semasa Universiti dan perlu merujuk Pusat Pelajar Antarabangsa Universiti.
- 11.2.2

11.3 Diberhentikan

- 11.3.1 Pelajar boleh diberhentikan kerana perkara-perkara berikut:-
 - (i) tidak mencapai tahap lulus dalam pengajian dan gagal dalam permohonan rayuan ; atau
 - (ii) gagal mendaftar di bawah kaedah pendaftaran semester atau program; atau
 - (iii) tidak memenuhi syarat kelayakan masuk.
- 11.3.2 Pelajar Antarabangsa yang diberhentikan adalah tertakluk kepada syarat dan prosedur Universiti dan Pihak Berkuasa Kerajaan Malaysia.

11.4 Disingkirkan

- 11.4.1 Pelajar yang disabitkan kesalahan yang boleh dibuang universiti mengikut Kaedah Tatatertib Pelajar akan diberikan status DISINGKIRKAN.
- 11.4.2 Pelajar dibenarkan membuat rayuan dalam tempoh yang ditetapkan.

11.5 Digantung Pengajian

- 11.5.1 Pelajar yang disabitkan kesalahan di bawah Kaedah Tatatertib Pelajar yang boleh menyebabkan digantung daripada meneruskan pengajian akan diberi status GANTUNG PENGAJIAN.
- 11.5.2 Pelajar boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh yang ditetapkan.

11.6 Tidak Aktif

- 11.6.1 Pelajar yang tidak mendaftar semester disebabkan kursus tidak ditawarkan dalam mana-mana semester semasa akan diberi status TIDAK AKTIF.
- 11.6.2 Fakulti akan menentukan pelajar yang akan diberi status tersebut.

- 11.7 Lengkap
- 11.7.1 Pelajar yang telah memenuhi jam kredit untuk bergraduat akan diberikan status LENGKAP.
- 11.7.2 Jam kredit bergraduat bergantung kepada jumlah jam yang perlu diambil bagi setiap program sepertimana yang telah ditetapkan.
- 11.8 Bergraduat
- 11.8.1 Pelajar perlu mengemukakan permohonan kepada Fakulti untuk bergraduat.
- 11.8.2 Pelajar yang telahpun disahkan oleh senat untuk bergraduat akan diberi status BERGRADUAT.
- 11.9 Tidak Hadir
- 11.9.1 Pelajar WAJIB mendaftar pada setiap semester dalam tempoh yang ditetapkan mengikut kaedah pendaftaran pelajar.
- 11.9.2 Selepas tamat tempoh daftar semester, pelajar yang gagal mendaftar akan diberikan status TIDAK HADIR.
- 11.9.3 Denda lewat mendaftar akan dikenakan kepada pelajar yang mendaftar selepas tamat tempoh daftar semester.
- 11.9.4 Jika pelajar masih gagal untuk mendaftar semester dalam tempoh tiga (3) minggu pertama kuliah tanpa sebab-sebab yang dibenarkan, pelajar akan diberhentikan dari Universiti.

BAHAGIAN 12.0 : BERGRADUAT

- 12.1 Syarat-syarat Bergraduat
- 12.1.1 Pelajar layak bergraduat setelah syarat-syarat berikut dipenuhi;
- (i) Memperoleh jumlah kredit yang ditetapkan dan mendapat Kedudukan Baik (KB);
 - (ii) Telah menduduki peperiksaan *Malaysian University English Test* (MUET) bagi pelajar program Sarjana Muda (pelajar tempatan sahaja) dan minimum Band 4 untuk pelajar TESL;
 - (iii) Kredit Bahasa Melayu peringkat SPM (pelajar tempatan); atau
 - (iv) Lulus Bahasa Melayu peringkat SPM dan prinsipal Bahasa Melayu peringkat STPM (pelajar tempatan); atau
 - (v) Lulus kursus Bahasa Kebangsaan A dengan sekurang-kurangnya Gred C atau bersamaan markah 50% (pelajar tempatan);
 - (vi) Bebas daripada tindakan tatatertib;
 - (vii) Telah membuat permohonan untuk bergraduat;
 - (viii) Diperakui oleh Senat.
- 12.1.2 Surat Pengesahan Tamat Pengajian boleh dikeluarkan oleh Universiti setelah keputusan tamat pengajian diluluskan oleh Senat.

12.2 Kelas Ijazah

12.2.1 Kelas Ijazah dianugerahkan berdasarkan kepada pencapaian HPNG terakhir seperti dalam **Jadual 12.2**.

Jadual 12.2 : Kelas Ijazah

Program Ijazah	Kedudukan HPNG
Kepujian Kelas Pertama	HPNG \geq 3.60
Kepujian Kelas Kedua (Tinggi)	$3.00 \leq$ HPNG $<$ 3.60
Kepujian Kelas Kedua (Rendah)	$2.00 \leq$ HPNG $<$ 3.00

BAHAGIAN 13.0 : PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM

13.1 Peruntukan Am

- 13.1.1 Pelajar WAJIB mematuhi semua peraturan akademik Universiti;
- 13.1.2 Peraturan Akademik ini perlu dibaca bersama Buku Peraturan Tatatertib Pelajar, Peraturan Peperiksaan atau mana-mana pekeliling/peraturan/arahan Universiti;
- 13.1.3 Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa;
- 13.1.4 Jika wujud percanggahan, keputusan Senat adalah muktamad.

SENARAI JADUAL

BIL.	JADUAL	TAJUK JADUAL
1.	Jadual 2.1	Struktur Sesi Pembelajaran
2.	Jadual 4.1	Tempoh Pengajian
3.	Jadual 5.2	Denda Selepas Tempoh Pendaftaran Semester
4.	Jadual 5.9(i)	Denda Gugur Kursus (Semester)
5.	Jadual 5.9(ii)	Denda Gugur Kursus (Intersesi)
6.	Jadual 7.1	Jumlah Kredit Dibenarkan
7.	Jadual 8.1	Skim Pemarkahan/Gred dan Nilai Gred
8.	Jadual 8.2	Gred Lulus Kursus
9.	Jadual 9.1	Kedudukan Akademik
10.	Jadual 12.2	Kelas Ijazah

**DISAHKAN OLEH
SENAT UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)**

PADA 30 OGOS 2012

**PENGERUSI
SENAT UNIVERSITI SELANGOR**